

24/05/2003

2,377 syarikat beroperasi tanpa lesen

KUALA LUMPUR: Kastam Wilayah Persekutuan mengesan 2,377 syarikat profesional termasuk akauntan, arkitek dan peguam beroperasi tanpa memiliki lesen cukai perkhidmatan.

Kegiatan mereka dikesan dalam Ops Kesan II yang dilancarkan jabatan itu

mulai 5 Mac hingga 21 Mei lalu.

Firma guaman dikenal pasti paling tinggi di kalangan profesional yang gagal memiliki lesen cukai perkhidmatan dengan mencatat 1,231 daripada keseluruhan 2,377 syarikat, diikuti syarikat hartanah (367), akauntan (217), arkitek (160), perunding (129), perkhidmatan dan pengurusan (109), juru ukur (98) dan jurutera sebanyak 66 syarikat.

Pengarah Kastam Wilayah Persekutuan, Rajion Mat Idin, berkata mengikut Akta Cukai Perkhidmatan 1975, golongan profesional yang dikenal pasti beroperasi tanpa lesen cukai boleh dikenakan denda RM5,000 atau dipenjar

tidak lebih daripada dua tahun.

Katanya, sebanyak 103 syarikat dikesan memungut cukai tanpa mempunyai lesen cukai perkhidmatan dan tidak menjelaskan cukai perkhidmatan lebih RM1.1 juta kepada kerajaan.

"Kita berharap mereka secara sukarela tampil diri untuk menjelaskan cukai perkhidmatan. Jika mereka mempunyai masalah untuk bayar cukai itu, boleh berbincang dengan kita untuk mengatur skim pembayaran.

"Berikutan itu, kita akan memberi tempoh sebulan kepada semua syarikat terbabit untuk menjelaskan cukai mereka," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya menjangka akan mengalami penurunan kutipan cukai sebanyak RM123 juta untuk tempoh tujuh bulan daripada Jun hingga Disember tahun ini daripada sektor perhotelan dan restoran berikutan Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Rabu lalu.